

# Wan Rosmawati mahu popularkan pelancongan warisan etnik Melayu



WAN ROSMAWATI WAN HUSSIN

**MEMPERKENALKAN** budaya warisan nenek moyang Malaysia di persada antarabangsa menjadi misi dan matlamat sebuah syarikat usahawan bumiputera ini.

Semuanya untuk menjadikan Malaysia destinasi utama untuk dilawati di dunia.

Atas rasa tanggungjawab itu, Pengarah Eksekutif Redland Holiday Travel & Tours Sdn. Bhd., Datin Wan Rosmawati Wan Hussin memilih pendekatan layanan mesra dalam mempromosi budaya serta etnik negara ini dengan informasi yang tepat dan padat.

Wartawan MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK dan jurufoto, AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN berkongsi pengalaman dengan usahawan bumiputera yang mengusahakan perniagaan pelancongan baru-baru ini.

**UTUSAN:** Dalam menerajui sektor pelancongan, apakah faktor utama yang mendorong penubuhan syarikat ini?

**WAN ROSMAWATI:** Industri ini dilihat mempunyai potensi nilai tambah yang memberansangkan. Faktor utama mendorong saya menubuhkan syarikat ini adalah hasil pengalaman menarik ketika melawat negara asing.

Pendekatan pengurusan kerja yang mereka lakukan terlalu berbeza kerana agensi pelancongan negara luar ini begitu konsisten dengan tatatertib.

Juru pandu pelancongnya juga dilatih dengan kemahiran komunikasi dan pendedahan yang tinggi. Perkara ini membuatkan saya dan keluarga begitu teruja di atas layanan mesra pelancong oleh agensi itu.

Teknik pengendalian yang dilaksanakan seolah-olah berada di alam fantasi ketika melawat tempat-tempat bersejarah dan etnik mereka. Bahan-bahan bacaan tentang kehidupan di alam semesta, sejarah dan geografi disediakan dengan begitu lengkap.

Bermula dari situ, timbul perasaan bahawa setiap percutian itu memberi makna dan inspirasi yang kekal abadi dalam ingatan. Namun yang peliknya bukan disebabkan faktor melawat tempat yang menarik di sana tetapi kehebatan layanan mereka yang memberi impak besar untuk saya dan keluarga terkenangnya tempat itu.

Di sana, mata saya terbuka kerana walaupun dengan kemajuan fizikal moden, masyarakatnya tidak lupa akan warisan dan sejarah mereka. Bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah dan ciri kebudayaan dipelihara dengan baik dan rapi.

Walaupun masyarakat di sana hebat dengan sains dan teknologi, namun mereka amat maju dalam industri pelancongan dan warisan kerana bidang ini merupakan faktor penyumbang kepada aset dan sumber pendapatan negara.

**Bilakah perniagaan ini bermula dan apakah jenis khidmat kerja yang ditawarkan?**

**WAN ROSMAWATI:** Perniagaan ini sebenarnya baru ditubuhkan awal tahun ini. Ia diusahakan hasil kajian dan penyelidikan. Sepanjang penubuhannya syarikat ia diterajui oleh beberapa tenaga kerja profesional yang mempunyai pengalaman hampir 30 tahun dengan dunia pelancongan.

Dari situ, kekuatan saya timbul untuk memulakan perniagaan ini hasil daripada kepakaran yang menyakinkan dan harapan untuk membantu dan memperluaskan empayar perniagaan ini. Pengalaman mereka menjadi aset syarikat dan penyumbang dalam memajukan perniagaan.

Dalam pada itu, usaha kerajaan Malaysia yang begitu rancak menggiatkan promosi dalam menjana perkembangan sosio-ekonomi negara dalam sektor pelancongan menjadi penyumbang menerokai bidang ini.

Dengan semangat dan iltizam itu, saya terpanggil untuk bersama-sama menyahut seruan kerajaan. Ia bagi membantu serta merangka beberapa aktiviti yang sesuai untuk menarik dan memberi perkhidmatan kepada pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia.

Sasaran saya ialah mempromosi etnik budaya Melayu khususnya dari segi kebudayaan negeri Kelantan, makanan, pakaian dan tarian yang kini menjadi aset untuk diketengahkan di peringkat global. Syarikat juga menasarkankan kebudayaan negeri Sarawak dan Sabah yang mempunyai nilai estetika dan budaya masyarakat yang sesuai untuk tatapan para pelancong.

**Selain itu, apakah visi dan matlamat syarikat ini dalam memperkemaskan perkhidmatannya?**

**WAN ROSMAWATI:** Sejak menceburi bidang ini, saya merasakan bahawa ia sebenarnya merupakan satu bidang perkhidmatan tambah nilai sosial. Contohnya

Holiday Travel & Tour



WAN Rosmawati Wan Hussin diapit oleh Pengarah Urusan, Mhd. Redzuan Mohd. Ali (kanan) dan Pengurus Pembangunan Produk dan Perniagaan, Halim Hassan yang menjadi tonggak kejayaan syarikat.

untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran penyampaian bagi perkhidmatan dalam memberi informasi berguna kepada pelancong dengan maklumat dan nilai cerita serta sejarah yang menarik tentang Malaysia.

Kebanyakan pelancong asing menggemari nilai sejarah dan warisan budaya Malaysia kerana itulah faktor yang membezakan negara ini dengan destinasi pelancongan lain di dunia. Dengan itu mereka lebih menghargai corotan perkembangan negara yang dikatakan mempunyai nilai warisan bangsa yang perlu dipaparkan di peringkat antarabangsa.

Dalam mengembangkan bidang ini, segala usaha telah diambil dengan menerbitkan rencana, merangka promosi dan menjalinkan kerjasama dengan entiti pelancongan di dalam dan luar negara. Banyak pihak yang berurusan dengan syarikat ini dalam menjana perniagaan pelancongan dengan hubungan di antara negara.

Agensi kami turut menghubungkan dengan pelancong dari negara luar. Ia dibuat melalui teknologi perkhidmatan secara talian yang disediakan oleh pihak syarikat dalam memproses penempahan penerbangan, hotel dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Buat masa ini sistem ini dalam peringkat penambahbaikan untuk memudahkan pelanggan untuk berurusan secara on-line yang boleh dilayari melalui red\_hday@streamyx.com.